

20 MAR 2000

Ikim-fatwa

WUJUDKAN FATWA RASMI NEGARA SEBAGAI PANDUAN UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) Datuk Dr Ismail Haji Ibrahim hari ini mencadangkan supaya fatwa yang diputuskan dalam muzakarah mufti-mufti diwartakan sebagai fatwa rasmi negara untuk panduan seluruh umat Islam di negara ini.

Beliau percaya fatwa rasmi negara boleh menghilangkan segala kekeliruan yang selama ini dialami oleh umat Islam di Malaysia, yang menyebabkan perpecahan di kalangan mereka dan mungkin mengancam ketenteraman negara pada masa akan datang.

Amalan sekarang ialah fatwa yang diputuskan oleh muzakarah mufti diwartakan di peringkat negeri masing-masing, bagaimanapun ada di antara fatwa yang dikeluarkan oleh sesebuah negeri berbeza dengan negeri lain, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas isu kenyataan berbentuk fatwa yang dikeluarkan oleh pihak tertentu, yang dikhuatiri boleh membawa perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini dan usaha menyatupadukan masyarakat Islam yang berpecah kerana perbezaan fahaman politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata Raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini melalui majlis agama yang diterajui mereka.

Dr Ismail berkata, kenyataan berbentuk fatwa seperti mengkafir sesama Islam, menghukum sama ada masuk syurga atau neraka kerana mengundi parti politik tertentu dalam pilihan raya dan menyamak masjid kerana kononnya tercemar dengan najis berat sama seperti najis anjing dan babi kerana digunakan oleh golongan tertentu, membawa implikasi yang menyentuh akidah umat Islam dan perlu diselesaikan oleh pihak yang berwibawa di negara ini.

Katanya, dua buah institusi agama yang perlu mengambil tindakan segera bagi mengatasi soal kegawatan hukum di negara ini ialah Majlis Agama Islam dan institusi Mufti.

Majlis Agama Islam yang biasanya dipengerusikan oleh pihak Raja sebagai Ketua Agama, harus bersidang dan mengambil keputusan menentang sebarang fatwa yang salah.

"Para mufti pula haruslah mengadakan muzakarah untuk menghalusi kenyataan yang berbentuk fatwa ini dan bertindak balas dengan mengeluarkan fatwa yang muktamad sebagai badan yang berwibawa dan keputusan itu harus diwartakan sebagai fatwa rasmi negara," katanya.

Dr Ismail berkata usaha untuk memperjelaskan isu-isu agama yang melibatkan fatwa atau kenyataan yang berbentuk fatwa yang mengelirukan umat Islam negara ini harus disokong kuat agar masalah itu tidak berlarutan sehingga memecah-belahkan masyarakat Islam.

-- BERNAMA

AFY NMO